

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1 Jld.2()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 10 TAHUN 2022**

Tarikh : 27 Oktober 2022 (Khamis)

Masa : 10.00 pagi – 12.00 tengah hari

Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga

Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Syed Fadleindra bin Syed Alias, Pengacara Majlis.

2.0 TAYANGAN PROGRAM MAJLIS BULAN OKTOBER 2022

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Oktober 2022 dipaparkan kepada ahli mesyuarat.

3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya kali yang kesepuluh tahun 2022. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti berikut :

- i) Datuk Bandar memaklumkan bahawa Karnival Jelajah Iltizam Selangor Penyayang merupakan program Kerajaan Negeri Selangor yang dianjurkan sebagai platform *one-stop-centre* untuk hebahan serta permohonan inisiatif-inisiatif Kerajaan Negeri yang disediakan kepada Rakyat Selangor melalui program-program Iltizam Selangor Penyayang (ISP) serta program-program dan inisiatif-inisiatif lain yang khusus dalam memberdayakan taraf kehidupan rakyat di samping menjaga kebajikan pelbagai golongan rakyat Selangor.

Jelajah Selangor Penyayang mendekati rakyat dengan tarikan konsep karnival mengikut tema di setiap daerah di mana selain daripada pameran-pameran yang menghebahkan program dan inisiatif daripada Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri, diadakan juga aktiviti-aktiviti bersama rakyat serta jualan-jualan daripada penjaja dan peniaga Negeri Selangor. Pelbagai perkongsian berkenaan program-program ISP disediakan di Jelajah Selangor

Penyayang termasuk membuka ruang kepada rakyat untuk memohon ataupun mendaftar bagi program-program tersebut.

Jelajah Selangor Penyayang telah dirancang ke 9 daerah dan telah dilaksanakan di 7 daerah seperti berikut :

BIL	TARIKH	DAERAH	LOKASI	TEMA
1.	19 Jun 2022	Hulu Langat	Padang Taman Kosas Ampang	Kehidupan Bermartabat
2.	25 Jun 2022	Kuala Langat	Dataran Pantai Morib, Kuala Langat	Memperkasa Ekonomi Manusiawi
3.	2 Julai 2022	Kuala Selangor	Stadium Utama, Kompleks Sukan Kuala Selangor	Kesihatan Berkualiti, Rakyat Terbela
4.	24 Julai 2022	Petaling	Dataran Boulevard MBPS, Petaling Jaya	Kasih Keluarga, Negeri Penyayang
5.	31 Julai 2022	Gombak	Padang Awam Batu Caves, Gombak	Pendidikan Holistik, Generasi Muda Dinamik
6.	14 & 15 Oktober 2022	Sabak Bernam	Stadium Sungai Besar	Menjana Ekonomi Mahasiswa

BIL	TARIKH	DAERAH	LOKASI	TEMA
7.	22 & 23 Oktober 2022	Klang	Stadium Sultan Suleiman	Membina Keluarga Penyayang
8.	29 & 30 Oktober 2022	Sepang	KIP Sentral, Kota Warisan	Menjamin Kehidupan Bermartabat
9.	Ditunda selepas pilihanraya	Hulu Selangor	Bukit Sentosa	-

Program ini telah merekodkan anggaran seramai 76,000 pengunjung yang telah hadir dan memeriahkan Jelajah ini. MBSJ turut menghantar penyertaan pegawai di setiap daerah dan telah bekerjasama menjayakan karnival di peringkat Daerah Petaling.

- ii) Datuk Bandar juga memaklumkan bahawa selaras dengan Perkara 40(2)(b) dan Perkara 55(2) Perlembagaan Persekutuan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, telah bertindak memperkenankan Parlimen Ke-14 dibubarkan pada hari Isnin 10 Oktober 2022.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menetapkan hari penamaan calon pada 5 November 2022 manakala hari pengundian awal ialah pada 15 November 2022. Seterusnya hari pengundian bagi Pilihan Raya Umum ke-15 adalah pada 19 November 2022.

MBSJ turut terlibat dalam PRU ke 15 dengan menguruskan 2 parlimen di kawasan MBSJ iaitu P.103 (Puchong) dan P.104 (Subang). Maklumat berkaitan PRU 15 di kawasan MBSJ adalah seperti yang berikut :

	P103 (PUCHONG)	P104 (SUBANG)	JUMLAH KESELURUHAN
Bilangan Pusat Mengundi	31	47	78
Jumlah Petugas	1,873	2,846	4,719
Jumlah Pengundi	152,861	230,940	383,801

- iii) Datuk Bandar turut mengambil peluang merakam ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung seperti Timbalan Datuk Bandar, barisan Ahli Majlis, Ketua Jabatan, warga kerja MBSJ, MPP MBSJ, agensi-agensi kerajaan, pihak swasta serta pemegang taruh serta tidak lupa juga penduduk MBSJ yang telah sama-sama meraikan dan menjayakan program serta aktiviti sambutan ulang tahun kedua MBSJ sebagai sebuah bandaraya.

Pelbagai program telah diadakan bermula daripada :

- Program Bicara Perdana Dan Qasidah MBSJ sempena Program Maulidur Rasul 2022 pada 14 Oktober 2022 bertempat di Masjid Putra Height. Dianggarkan lebih kurang 800 orang telah menghadiri majlis ini.

- Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Selamat sempena ulang tahun ke-2 MBSJ pada 20 Oktober 2022 telah diadakan di Masjid Madaniah USJ 18, Subang Jaya. Dianggarkan lebih kurang 635 orang telah menghadiri majlis ini.
 - Program kemuncak iaitu Karnival Bandar Raya Subang Jaya pada 22 hingga 23 Oktober 2022. Sebanyak 27 acara telah dilaksanakan antaranya adalah Perbarisan, Larian Komuniti Subang Jaya, Upcycling, E-sport Challenge, Retro Motor Show, Sembang santai bersama Wazi Abdul Hamid, Pertandingan Buskers, Pertandingan Sepak Penalti, Funride, Kejohanan Kriterium, Woodball Komuniti, Push Bike dan banyak lagi. Sebanyak 6,548 peserta telah mengambil bahagian dalam kesemua acara yang dilaksanakan dan dianggarkan seramai 10,000 pengunjung telah hadir di karnival ini. Kos keseluruhan karnival adalah sebanyak RM 300,000.00.
 - Program terakhir sambutan ulang tahun kedua MBSJ merupakan Kejohanan *Woodball Intercity* dan Cabaran Joran MBSJ 2022 yang akan diadakan pada 28 hingga 30 Oktober 2022.
- iv) Datuk Bandar juga memaklumkan bahawa MBSJ telah menyertai *Selangor International Business Summit 2022 (SIBS)* edisi ke-6 iaitu melibatkan persidangan dan pameran yang disokong oleh Kerajaan Negeri sejak penubuhannya pada 2016. Di bawah tema, *Selangor Gerbang ke ASEAN*, acara ini menghimpunkan jenama

global dan penggiat industri dari seluruh dunia. Upacara perasmian SIBS 2022 dijalankan pada 6 Oktober 2022 yang dirasmikan oleh Menteri Besar Selangor, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin bin Shari.

SIBS 2022 dijalankan secara fizikal dari 6 hingga 9 Oktober 2022, yang terdiri daripada enam komponen utama iaitu:-

- *8th Selangor International Expo 2022 (Food and Beverages)*
- *8th Selangor International Expo 2022 (Medic)*
- *Selangor Industrial Park Expo 2022 (SPARK)*
- *6th Selangor Asean Business Conference 2022 (SABC)*
- *Selangor Smart City and Digital Economy Convention 2022 (SDEC)*
- *3rd Selangor R&D and Innovation Expo 2022 (SRIE)*

Semasa berlangsungnya SIBS 2022, telah juga diadakan *Asian Smart City Conference: Net-Zero and Circular Economy Forum* pada 7 Oktober 2022. Datuk Bandar MBSJ telah dijemput sebagai panel bersama Mr. Boonyalit Phanichrungrueng, Timbalan Datuk Bandar Khon Kaen, Thailand di salah satu forum yang bertajuk *Sustainable City Initiatives*.

Datuk Bandar telah berkongsi pengalaman dan pengetahuan MBSJ mengenai perkara-perkara berikut:-

- Cabaran dan isu utama yang dihadapi oleh MBSJ
- Inisiatif Bandar Pintar MBSJ

- Isu dan halangan semasa implementasi inisiatif bandar pintar
- Pelan Tindakan Khas Bandar Mampan MBSJ
- Inisiatif dan Program Keusahawanan Golongan B40
- Penyediaan sistem *Greenhouse Gas Inventory Management System (GIMS)*
- *Executive Information System (EIS) MBSJ*
- *Subang Jaya Voluntary Local Review (VLR)*
- *Subang Jaya Vibrant Command Centre (SJVCC)*
- *Smart Intelligent Transport System (SITS) – Bus Smart Selangor*

MBSJ juga berpeluang membuka gerai pameran di bawah kategori Selangor *Smart City and Digital Economy Convention 2022 (SDEC)* dan kaunter maklumat pelaburan MBSJ di seksyen *Selangor Industrial Park Expo 2022 (SPARK)*.

Selain itu, MBSJ juga telah menyertai *3rd Selangor R&D and Innovation Expo 2022 (SRIE)* dan telah meraih johan bagi kategori Penyampaian Perkhidmatan (Penciptaan) dan Projek Inovasi Terbaik (Primer) melalui projek “*KJAP 4 Traffic Lights*” yang diwakili oleh kumpulan Electrical Evo, Jabatan Kejuruteraan manakala bagi Kategori Inovasi Sosial (Penciptaan), MBSJ meraih tempat ketiga dengan membawa projek “Modul Pembangunan Kebun Komuniti Berdaya” yang diwakili oleh Kumpulan Life Saver daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Penyertaan MBSJ di SIBS 2022 ini menjadi satu penanda aras kepada pihak MBSJ untuk memperbaiki dasar-dasar, garis panduan serta menambahbaik pengendalian inisiatif bandar pintar serta dapat membuat penandaarasan bersama negara-negara yang hadir selaras dengan misi menjadikan MBSJ sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terunggul bertaraf antarabangsa berteraskan bandaraya mampan yang bestari, kota niaga dan kediaman idaman.

- v) Seterusnya pemakluman berkenaan Program Malaysian Urban Forum 2022 (MUF2022), yang dianjurkan oleh Urbanice Malaysia. Forum peringkat kebangsaan ini bertujuan untuk menggalakkan perbincangan berasaskan hasil dan perkongsian penyelesaian dalam membangunkan dan menangani cabaran bandar semasa Malaysia melalui adaptasi SDG dalam pengurusan bandar dalam usaha mencapai Negara Bandar Mampan menjelang 2030.

Malaysian Urban Forum 2022 adalah MUF yang keempat dianjurkan bertempat di Pusat Konvensyen MBSA, Seksyen 13 Shah Alam, Selangor dari 16 hingga 18 Oktober 2022. Tumpuan MUF2022 pada tahun ini ialah '*People-Centred, Future-Proof and Better Cities For All*'.

MUF2022 ialah forum peringkat kebangsaan yang bertujuan untuk menggalakkan perdebatan dan perbincangan inklusif ke arah membangun dan menambah baik strategi, dasar dan program

pemandaran mampan. Fokus MUF2022 memberi impak kepada pelbagai pihak berkepentingan tempatan melalui *Knowledge Base Building, Engagement, Awareness Raising, Policy Advice* dan *Innovative Solutions*.

Pada MUF kali ini, MBSJ telah dijemput untuk menjadi salah seorang panel bagi topik *Financing Sustainable Development and Urban Resiliency*. Melalui sesi perbincangan ini, MBSJ berpeluang untuk membuat perkongsian berkaitan perkara berikut:

- Inisiatif MBSJ bagi Pembiayaan Pembangunan Mampan dan Daya Tahan Bandar;
- Inisiatif MBSJ ke arah ekonomi yang mampan dengan penyediaan *Economic Resilience Building Plan (DA13)*;
- Perkongsian hasil bandar telah dipelbagaikan dengan memperkenalkan pelesenan perniagaan baharu dan mempelbagaikan saluran pembayaran dan perkhidmatan Majlis Bandaraya;
- Perkongsian program bantuan yang ditawarkan kepada pemilik perniagaan dan usahawan dengan memberikan permit sementara dan lokasi selamat kepada 498 penjaja daripada kumpulan B40, pelan ansuran tanpa faedah untuk Cukai Taksiran, pengecualian denda bagi pembayaran Cukai Taksiran tertunggak dan lanjutan 2 bulan ke atas sewa; dan
- Kursus keusahawanan dan peningkatan kemahiran yang disediakan kepada komuniti B40, terutamanya untuk ibu tunggal bagi menyara kehidupan mereka semasa pandemik.

Strategi pemulihan ekonomi selepas pandemik adalah sejajar dengan 17 Matlamat Pembangunan Mampan dan 4 tonggak pembangunan bandar mampan yang diperolehi daripada laporan *The Future of Asian and Pacific Cities*.

Empat tema telah dibangunkan sebagai cara untuk menyelaraskan usaha pemulihan dan pembinaan semula MBSJ melalui:

- Tadbir Urus : memberi tumpuan kepada menginstitusikan pengurusan kewangan di peringkat MBSJ;
- Perniagaan dan Peluang Pekerjaan : memberi tumpuan kepada sokongan ekonomi dan pemulihan untuk perniagaan Subang Jaya, untuk menyokong perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan sektor pelancongan;
- Ketahanan dan Perubahan Iklim : fokus kepada meningkatkan dan memajukan inisiatif perubahan iklim MBSJ; dan
- Mobiliti : memberi tumpuan kepada meningkatkan ketersambungan dan kebolehcapaian komuniti tempatan kepada infrastruktur dan kemudahan awam.

Majlis Bandaraya Subang Jaya akan terus menunjukkan kepentingan usaha Pihak Berkuasa Tempatan dalam mencipta transformasi untuk masa depan yang mampan serta berdaya huni.

- vi) Datuk Bandar memaklumkan bahawa Majlis akan mengadakan Program Kejohanan *Woodball Intercity* sempena ulang tahun

MBSJ ke-2 pada 28 hingga 30 Oktober 2022, jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang bertempat di Laman Woodball Taman Wawasan, Puchong Selangor.

Sebanyak 10 kategori akan dipertandingkan melibatkan 37 kumpulan dan 255 orang seperti berikut :

Bil	Kategori	Jumlah Penyertaan
1.	Terbuka Berpasukan Lelaki	17 kumpulan
2.	Terbuka Berpasukan Wanita	7 kumpulan
3.	Individu Lelaki Terbuka	115 orang
4.	Individu Wanita Terbuka	51 orang
5.	Berpasukan Jemputan (PBT Selangor /MPP) (Campuran)	13 kumpulan
6.	Veteran Lelaki	28 orang
7.	Veteran Wanita	20 orang
8.	Remaja Lelaki	39 orang
9.	Remaja Wanita	27 orang
10.	<i>Gate in one</i>	-

- vii) Datuk Bandar turut memaklumkan MBSJ akan menganjurkan Program Cabaran Joran MBSJ 2022 pada 30 Oktober 2022 (Ahad), jam 8.30 pagi hingga 1.00 petang bertempat di Taman Tasik Wawasan, Puchong.

Program ini adalah bagi mewujudkan dan meningkatkan penyertaan komuniti dalam aktiviti rekreasi memancing serta merealisasikan matlamat di bawah *Sustainable Development Goals* (SDG) iaitu SDG ke 3 iaitu *Good Health and Well Being*.

Yuran penyertaan adalah sebanyak RM30.00 bagi 1 joran. Penyertaan boleh dibuat secara dalam talian dan sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Jabatan Pembangunan Masyarakat MBSJ. Hadiah lumayan menanti pemenang iaitu;

Kedudukan	Hadiah (RM)
Tempat Pertama	RM3000.00
Tempat Kedua	RM 1500.00
Tempat Ketiga	RM 1000.00
Tempat Keempat dan Kelima	RM 200.00
Tempat Keenam hingga Kelapan	RM 100.00
12 x Saguhati	RM 50.00
20 x Saguhati Khas	RM 50.00
Hadiah Khas Kategori Ikan Keli Dan Ikan Talapia	RM 500.00 Setiap Kategori Ikan

- viii) Datuk Bandar memaklumkan bahawa bagi membina dan mengukuhkan jaringan perhubungan antara penduduk dengan pihak MBSJ serta meningkatkan kesedaran kepada komuniti B40 di semua Majlis Perwakilan Penduduk MBSJ terhadap kepentingan pemeriksaan kesihatan secara berkala, MBSJ akan melaksanakan Program Bantuan Kesihatan Peka B40 bersama Klinik Siti

Healthcare pada 12 November 2022 (Sabtu), jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang bertempat di Dewan Serbaguna USJ 7 MBSJ. Program ini akan melibatkan komuniti B40 di kawasan MPP Zon 1 hingga Zon 7.

Bagi komuniti B40 di kawasan MPP Zon 8 hingga Zon 18 pula, pemeriksaan yang dirancang pada 19 November 2022 (Sabtu), akan ditunda ke tarikh yang akan dimaklumkan kelak bagi memberi laluan kepada Pilihanraya Umum yang menggunakan Dewan Serbaguna Puchong Indah.

Manakala bagi komuniti B40 di kawasan MPP Zon 19 hingga Zon 24, pemeriksaan akan dilaksanakan pada 26 November 2022 (Sabtu), jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang bertempat di Dewan Serbaguna Seri Serdang MBSJ dan Dewan Serbaguna Seri Kembangan MBSJ.

Program ini dilaksanakan bagi memupuk nilai murni dalam budaya bantu-membantu sesama masyarakat dan berganding bahu dalam menjaga kebajikan dan kesihatan agar tiada komuniti yang ketinggalan atau dipinggirkan sesuai dengan konsep “*No One Left Behind*”. Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Jabatan Pembangunan Masyarakat MBSJ.

- ix) Bagi merealisasikan matlamat di bawah *Sustainable Development Goal* (SDG) khususnya dalam menyantuni rakyat, mengatasi isu

kemiskinan serta memastikan kesejahteraan sejagat dan meringankan beban golongan yang memerlukan, MBSJ akan melaksanakan Program Ziarah Kasih MBSJ dengan kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk (MPP).

Program yang akan dijalankan sepanjang bulan November 2022 akan dapat mengeratkan dan memperkukuhkan lagi hubungan baik yang sedia ada terjalin di antara MBSJ, MPP dan penduduk. Senarai nama penerima sumbangan seramai 15 orang daripada setiap zon MPP akan ditentukan oleh pihak MPP.

Sumbangan akan diberikan dalam bentuk wang tunai sebanyak RM 200.00 atau barangan keperluan asas dengan nilai tersebut kepada 15 orang penerima setiap 24 MPP yang kurang berkemampuan. Pihak MPP akan membuat agihan sumbangan melalui ziarah rumah ke rumah bagi menyantuni dan menzahirkan sikap prihatin kepada mereka yang sangat memerlukan.

- x) Datuk Bandar memaklumkan berkaitan pemakaian pelitup muka. Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) ke 21/2022 pada 4 September 2022 telah mensyaratkan pemakaian pelitup muka kepada semua penyedia, pengendali dan peniaga makanan dan minuman di Negeri Selangor bagi menjamin keselamatan dan kebersihan makanan.

Sehubungan dengan itu, MBSJ akan mensyaratkan kepada semua penyedia, pengendali dan peniaga makanan dan minuman di kawasan pentadbiran MBSJ supaya memakai pelitup muka sepanjang proses pengendalian makanan berlaku.

- xi) Datuk Bandar menjelaskan tentang persediaan MBSJ bagi menghadapi kebarangkalian bencana. MBSJ telah menyediakan peruntukan khas sebanyak RM 50,000.00 bagi kerja-kerja segera bantuan awalan (bukan projek) sekiranya berlaku sebarang bencana. Bajet khas ini akan di tambah dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

- xii) Datuk Bandar memberitahu bahawa MBSJ amat prihatin terhadap penduduk yang terjejas semasa menghadapi bencana alam yang lepas. Sehubungan itu, MBSJ telah menyediakan sebanyak 200 bakul makanan sebagai bantuan awal kepada penduduk yang terlibat dalam sebarang bencana. Majlis telah memperuntukkan RM 10,000.00 untuk program bakul makanan.

Program bakul makanan MBSJ ini turut dijayakan secara tanggungjawab sosial korporat (CSR) bersama syarikat Best Marketing & Distribution Sdn Bhd iaitu syarikat pengedar barangan yang beroperasi di Kinrara yang turut menyumbang 50 karton air mineral (600 botol), barang keperluan lain serta memberikan potongan harga istimewa terhadap pembelian barangan keluaran syarikat. Terima kasih diucapkan kepada syarikat Best Marketing &

Distribution Sdn Bhd yang merupakan rakan senergi yang sentiasa bersama MBSJ di dalam program atau aktiviti yang dianjurkan.

Pihak Majlis menyeru dan berharap agar lebih ramai pihak yang tampil untuk memberikan sumbangan secara CSR kepada penduduk di kawasan pentadbiran MBSJ.

- xiii) Datuk Bandar juga memaklumkan mengenai situasi semasa demam denggi di MBSJ. Sehingga Minggu Epid 42 iaitu antara 16 sehingga 22 Oktober 2022 terdapat sebanyak 3,546 kes positif demam denggi dan 9 lokaliti hotspot denggi dilaporkan di kawasan pentadbiran MBSJ. Sehingga Minggu Epid 42 juga terdapat 2 kematian denggi dilaporkan di kawasan MBSJ pada tahun ini iaitu di Taman Paik Siong yang melibatkan seorang wanita berumur 56 tahun yang meninggal dunia pada bulan Mac 2022 manakala kes kedua di Koi Tropika Batu 13 ½ Puchong melibatkan seorang lelaki berumur 17 tahun yang meninggal pada bulan September 2022.

Masyarakat diingatkan dan diminta untuk terus memastikan kawasan dan persekitaran premis masing-masing bebas dari tempat pembiakan aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit seminggu sekali mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan.

Masyarakat juga dinasihatkan supaya membuat semburan aerosol di dalam premis dan menggunakan repellan apabila keluar terutama mereka yang tinggal di kawasan wabak denggi.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 9/2022

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 9/2022 bertarikh 29 September 2022 (Khamis) disahkan tanpa pindaan.

5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 9/2022

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 9/2022 bertarikh 29 September 2022 (Khamis) disahkan tanpa pindaan.

6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 18/2022 bertarikh 28 September 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang
Jaya bil. 19/2022 bertarikh 5 Oktober 2022**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan
Teknologi Maklumat Majlis Bandaraya Subang Jaya
bil. 7/2022 bertarikh 12 Oktober 2022**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan makluman seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 7.1 & m/s 8	Encik Thamilarusu a/l Sandayan	Hal-hal Lain	Beliau memaklumkan bahawa perbincangan dengan Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik telah dilaksanakan berkenaan penganjuran sambutan perayaan Deepavali yang akan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>diadakan di kawasan Seri Kembangan dan tarikh serta lokasi akan dimaklumkan dalam masa terdekat.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum tentang perkara tersebut.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>

6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 9/2022 Bertarikh 12 Oktober 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 4.1 & m/s 6	Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop	Laporan Program dan Perbelanjaan Peruntukan MPP	Beliau memaklumkan bahawa jumlah program mengikut zon MPP bagi bulan Januari sehingga

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
		Hashim	dan Aktiviti Bahagian Khidmat Komuniti Bulan September 2022	<p>September 2022 telah mencapai 3,437 program. Beliau mencadangkan supaya Jabatan membuat pemakluman awal berkaitan tarikh pemarkahan bagi Anugerah MPP untuk memberi peluang kepada MPP membuat persediaan awal.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum tentang perkara tersebut dan penetapan tarikh akan dibincangkan bersama pihak Pengurusan terlebih dahulu.</p> <p>Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</p>

6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 10/2022 Bertarikh 17 Oktober 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan makluman seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 5.2 & m/s 4	Encik Thamilarusu a/l Sandayan	Kertas Permohonan Peruntukan Khas Bencana Alam – Pasca Banjir 2022	Beliau memohon penjelasan berkenaan kadar pemberian peruntukan kepada Pusat Pemindahan Sementara (PPS) samada melibatkan semua PPS. Maklum balas mesyuarat: Mesyuarat memaklumkan bahawa PPS di bawah pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) adalah di bawah tanggungjawab JKM sepenuhnya. Pemberian peruntukan kepada Pusat

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				Pemindahan Sementara hanya melibatkan PPS tambahan yang bukan di bawah tanggungjawab JKM. <p style="text-align: right;">Makluman</p>

6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 11/2022 Bertarikh 19 Oktober 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 2.3 (c) & m/s 8	Encik Yap Kok Weng	Kerja-kerja Korekan Jalan Bagi Tujuan Memasang Air Paip Langat 2 Bersaiz 1200mm Diameter di Jalan Persiaran Puncak	Beliau meminta supaya perkara berikut dilaksanakan : i) Pindaan minit mesyuarat dilaksanakan daripada YB Dr Siti Mariah kepada YB Ng Sze Han. ii) Memohon cadangan tarikh pemakluman kepada

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
			<p>Jalil, Fasa 4, Taman Puncak Jalil, Seri Kembangan</p>	<p>penduduk bersama YB Ng Sze Han.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat meminta urus setia Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam MBSJ membuat pindaan kepada minit mesyuarat tersebut.</p> <p>Tarikh pemakluman kepada penduduk bersama YB Ng Sze Han akan diadakan pada 3 November 2022.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</p>
2.	Para 7.1 & m/s 16	Encik Yap Kok Weng	Majlis Pecah Tanah bagi pembinaan Kompleks Sukan	Beliau memohon supaya dibuat pindaan tarikh Majlis Pecah Tanah bagi pembinaan Kompleks Sukan di Jalan Wawasan 5/3 daripada 25 Oktober 2022 kepada 3 November 2022.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat meminta urus setia Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam MBSJ membuat pindaan kepada minit mesyuarat tersebut.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</p>

6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 9/2022 Bertarikh 21 Oktober 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan makluman dan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 2.1 (ii) & m/s 3	Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop	Taklimat Laporan Prestasi Bulanan daripada KDEB Waste	Beliau memohon penjelasan berkenaan penarikan diri syarikat yang menguruskan proses jual

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
		Hashim	Management Sdn.Bhd.	<p>beli barangan kitar semula di TS 6/10.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa syarikat tersebut membuat permohonan penarikan diri daripada menguruskan proses jual beli barangan kitar semula di TS 6/10 disebabkan oleh terpaksa menanggung kos pengurusan dan pembayaran gaji pekerja kerana lori KDEB kurang membuat penghantaran di lokasi tersebut dan kutipan barangan tidak mencapai 3 tan. Pihak Majlis menguruskan lokasi tersebut sementara mendapat penggantian syarikat baharu dan telah mengarahkan pihak KDEB</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>supaya memberikan kerjasama dalam memastikan lori KDEB membuat penghantaran barangan kitar semula di lokasi tersebut.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>
2.	Para 2.1 (iii) & m/s 4	Encik Yap Kok Weng	Taklimat Laporan Prestasi Bulanan daripada KDEB Waste Management Sdn.Bhd.	<p>Beliau memohon penjelasan berkenaan cara kutipan sampah pukal perayaan Deepavali.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa pemohon boleh menghubungi pihak KDEB sekiranya mempunyai keperluan kutipan sampah pukal perayaan Deepavali.</p> <p>Mesyuarat memutuskan supaya pengurusan sampah pukal perayaan akan dilaksanakan sebanyak 3 kali setahun</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>bermula tahun 2023 melibatkan perayaan Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali.</p> <p style="text-align: center;">Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar</p>
3.	Para 2.1 (v) & m/s 4	Encik Thomas Low Yew Sin	Taklimat Laporan Prestasi Bulanan daripada KDEB Waste Management Sdn.Bhd.	<p>Beliau memohon penjelasan berkenaan maksud pasir kucing.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa pasir kucing adalah pasir khas yang digunakan oleh pemilik kucing peliharaan bagi tujuan kucing membuang najis. Pemilik kucing mengumpulkan sisa pasir kucing dan dibuang dalam tong sampah domestik.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>

6.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 10/2022 Bertarikh 25 Oktober 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 10 & m/s 11	Encik Yap Kok Weng	Laporan Kutipan Caj Beg Plastik dari Bulan Januari sehingga September 2022	<p>Beliau mencadangkan supaya MBSJ membuat larangan terhadap penggunaan plastik sekali guna dalam semua program Majlis bagi menyokong MBSJ ke arah Bandaraya Hijau.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan cadangan tersebut dan diminta supaya pemakluman dan hebahan dibuat kepada semua Jabatan berkenaan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				larangan penggunaan plastik sekali guna dalam semua program Majlis. Tindakan : Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

6.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 2/2022 bertarikh 25 Oktober 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT

**7.1 Kertas Makluman Sijil Ketua Audit Negara Bagi Penyata Kewangan Tahun 2021
(Kertas Mesyuarat Bil.9/10/2022)**

Kertas cadangan ini telah disediakan oleh Jabatan Perbendaharaan dan dibentangkan oleh Puan Hajah Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, Pengarah Hasil.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat menerima laporan sijil Ketua Audit Negara bagi Penyata Kewangan Tahun 2021.

Makluman

7.2 Kertas Cadangan Pemakaian Pelan Antirasuah Majlis Bandaraya Subang Jaya 2022-2026 Sebagai Pelan Antirasuah Organisasi Menggantikan Pelan Integriti Organisasi (Kertas Mesyuarat Bil.9/10/2022)

Kertas cadangan ini telah disediakan oleh Unit Integriti dan dibentangkan oleh Puan Emilia binti Nasir, Penolong Pengarah Integriti.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat menerima cadangan pemakaian Pelan Antirasuah Majlis Bandaraya Subang Jaya 2022-2026 sebagai Pelan Antirasuah Organisasi.

Makluman

8.0 UCAPAN PENANGGUHAN

Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Muhammad Khairil bin Khalid, wakil daripada Parti DAP.

9.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari.

Tarikh Disediakan : 28 Oktober 2022

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.

Timbalan Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

(DATO' JOHARY BIN ANUAR), D.P.M.S

Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN

HADIR

1. YBhg. Dato' Johary bin Anuar, D.P.M.S.
Datuk Bandar - Pengerusi
2. YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Timblan Datuk Bandar - Setiausaha
Mesyuarat
3. Tuan Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, K.M.N., P.J.K.
Timbalan Setiausaha

HADIR (AHLI MAJLIS)

1. Encik Yap Kok Weng - Ahli Majlis
2. Encik M. Anbarasan a/l Murugesu - "
3. Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim - "
4. Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh - "
5. Encik Thomas Low Yew Sin - "
6. Encik Thamilarusu a/l Sandayan - "
7. Encik Wong Yii Seang - "
8. Puan Ng Seow Chen - "
9. Encik Mohd Tarmizi bin Lazim - "
10. Encik Muhammad Khairil bin Khalid - "

- | | | | |
|-----|--|---|---|
| 11. | Encik Mohd Fitri bin Jamaludin | - | " |
| 12. | Puan Aniza binti Jamaludin | - | " |
| 13. | Encik Mohamad Syafiq bin Mohamad Norizan | - | " |
| 14. | Encik Kenneth Sam a/l Saminathan | - | " |
| 15. | Encik Jestin Raj Savarimuthu | - | " |
| 16. | Encik Muhammad Fauzan bin Rosli | - | " |
| 17. | Encik Mohamad Kamil bin Harun | - | " |
| 18. | Encik Jaafar bin Mat Akid | - | " |

TURUT HADIR (PEGAWAI MBSJ)

1. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan
2. TPr Ismail bin Muhamad, A.I.S
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
3. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
4. Puan Hajah Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
5. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan

6. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
7. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Pengarah, Jabatan Pelesenan
8. Puan Hajah Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
9. Ts Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
10. Sr Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
11. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
12. Encik Farid bin Ibrahim
Pengarah, Jabatan OSC
13. Sr. Mohd Marwan bin Khalilludin
Pengarah, Jabatan COB
14. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti
15. Sr. Mohd Faudzi bin Nazaruddin
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
16. Puan Nur Maini binti Ariffin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan
17. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Teknologi Maklumat
18. Puan Nadia binti Muhamad Amin
Penolong Pengarah, Jabatan Landskap

19. Puan Mazlina binti Mustafa
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
20. Encik Mohd Azrel bin Mohamad Islan
Penolong Juruaudit Kanan, Unit Audit Dalam

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. Encik Chia Yew Ken - Ahli Majlis
2. Encik Mehanatan a/l Embamurthi - "
3. Puan Lee Jen Uyin - "
4. Encik Thong Kim Fatt - "
5. Cik Syafiqa binti Zakaria - "
6. Tuan Haji Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
7. Sr. Aida binti Omar, A.M.S., MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
8. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
9. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap

URUSETIA

1. Encik Ismail bin Salim
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan